

Tiga lelaki culik, rogol gadis dijel seumur hidup, sebat

SHAH ALAM – Tiga lelaki yang melarikan seorang gadis dari Shah Alam, Selangor dan merogolnya di Johor Bahru dihukum penjara seumur hidup dan sebatan oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Perbuatan Noorazly Alias, 20, Norlizan Miswan, 29, dan Arwin Ahmad, 35, disifatkan mahkamah sebagai terkutuk dan paling keji setelah tergamak menculik dan merogol mangsa ketika itu berusia 18 tahun.

"Cuba kamu muhasabah diri. Tragedi ini meninggalkan kesan trauma kepada mangsa dan meninggalkan satu titik hitam kepada kehidupannya," kata Hakim Datuk Mohd Zaki Md Yasin.

Terdahulu, ketiga-tiga lelaki itu mengaku salah menahan dan melarikan mangsa di Bulatan Melawati Shah Alam, di sini, kira-kira jam 6.15 petang, 20 November 2002 bagi tujuan mendapatkan wang tebusan berjumlah RM250,000.

Noorazly dan Arwin ma-

sing-masing bekerja juruteknik dan jurujual mengaku merogol mangsa pada keesokan hari antara jam 12.30 tengah malam hingga 3 pagi di rumah No, 25, Jalan Sri Perkasa, Taman Tampoi Utara, Johor Bahru.

Mereka berdua kemudian mengulangi merogol mangsa antara jam 3 pagi hingga 6.30 pagi, di tempat sama.

Sementara Norlizan, seorang kerani didakwa merogol mangsa antara jam 4 pagi hingga 6 pagi di rumah No.23, Jalan Pertanian, Taman Desa Rahmat, Tampoi pada 25 November 2002.

Bagi pertuduhan rogol, Noorazly dan Arwin dipenjara 10 tahun, lima sebatan bagi setiap tuduhan itu diperintah berjalan secara berasingan.

Bagaimanapun pelaksanaan hukuman itu diiperintahkan berjalan serentak dengan pelaksanaan hukuman menculik.

Norlizan turut dihukum penjara 10 tahun dan lima sebatan kerana merogol.